



**MASOOB (dua kanan) dan Ismail (kanan) sedang menandatangani persetujuan menerima Kajian Wanita Nelayan dan Nelayan Wanita di Sabah.**

## Kajian komprehensif bantu wanita akan dilaksana

UB 10.11.2012 A2

**Oleh SURAIDAH ROSLAN**  
hadieyadah18@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Dalam membantu meningkatkan tarafsosio-ekonomi golongan wanita yang terlibat dalam industri perikanan, satu kajian komprehensif akan dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama Koperasi Nelayan (Ko-Nelayan) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengurus Besar Ko-Nelayan, Datuk Masood Salleh berkata kajian yang dinamakan sebagai 'Kajian Wanita Nelayan dan Nelayan Wanita di Sabah' itu akan mengambil masa selama satu tahun tiga bulan (Novr 2012 hingga Feb 2014) untuk disiapkan.

Katanya, kajian itu dilaksanakan bagi mengenalpasti kaedah yang boleh digunakan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan wanita yang terlibat dalam industri perikanan sama ada wanita yang terlibat dalam industri hiliran berasaskan perikanan mahupun sebagai nelayan.

Beliau berkata, berdasarkan bantuan yang diberikan oleh kerajaan seperti Skim Bantuan Nelayan, ia telah membantu mengeluarkan golongan nelayan daripada golongan miskin tegar.

Setakat ini, hampir 90 peratus golongan nelayan sudah berjaya keluar dari miskin tegar dengan bantuan yang diberikan kerajaan, katanya.

Menurut Masood, kerajaan telah melantik Ko-Nelayan sebagai jururunding bagi program Banci Nelayan Artisanal (tradisional) dan Laporan Program Banci Nelayan Artisanal yang telah siap sepenuhnya pada Disember 2011, juga dengan kerjasama pasukan penyelidik UMS.

Salah satu hasil daripada kajian itu adalah menyarankan agar kerajaan meningkatkan usaha membantu nelayan-nelayan wanita yang berkecimpung dalam industri hiliran berasaskan perikanan bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka.

Sehubungan itu, katanya, Jawatankuasa Pemandu Banci Nelayan menyarankan agar kajian lanjutan perlu dilaksanakan oleh Ko-Nelayan bagi mendapatkan data terperinci mengenai nelayan wanita dan wanita yang terlibat dalam industri hiliran berasaskan perikanan.

Oleh itu, beliau berharap agar dengan adanya kajian berkenaan, ia akan memanfaatkan kaum wanita yang terlibat dalam industri perikanan.

Sementara itu, Prof Madya Dr Ismail Ali yang mengetuai kumpulan kajian itu berkata UMS akan cuba membina pangkalan data untuk membantu nelayan tradisi tempatan.

"Nelayan Artisanal (tradisional) berstatus warga Malaysia pada 2011 adalah seramai 14,260 orang dan 20 peratus daripada jumlah itu adalah wanita," katanya.